

# Najib bahagi 'wang haram' RM22.6 juta kepada beberapa entiti

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Najib Tun Razak mengeluarkan lima keping cek semuanya 'wang haram' berjumlah RM22.6 juta sebelum dibahagikan kepada beberapa entiti termasuk parti politik pimpinannya, UMNO.

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Asisten Komisioner Foo Wei Min berkata, semua cek berkenaan ditandatangani bekas Presiden UMNO itu.

"Hasil analisa ke atas akaun AmBank 9694 (akaun peribadi Najib), didapati lima transaksi melibatkan penggunaan wang haram IMDB Global Investment Sdn. Bhd. (IMDB GIL) pada peringkat Tanore yang dikenal pasti menerima dana haram. Cek-cek yang diisu daripada akaun AmBank 9694, kesemuanya ditandatangani oleh Najib.



**PENYOKONG** Najib Tun Razak berkumpul di hadapan pintu masuk Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam dengan membawa sepanduk bebaskan bekas perdana menteri itu. - UTUSAN/ GMUHAMAD IQBAL ROSLI

"Jumlah wang haram hasil daripada IMDB GIL peringkat Tanore yang digunakan oleh Najib RM22,649,000," kata saksi pendakwaan ke-48 itu.

Menurutnya, siasatan mendapati antara cek berjumlah RM20 juta diterima akaun

CIMB Bank milik UMNO pada 2 Ogos 2013; Bendahari UMNO, Datuk Sri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah ketika itu turut

mengesahkan parti itu menerima wang berkenaan.

Pegawai polis itu turut memberitahu, terdapat lima transak-

si membabitkan wang haram dari IMDB dan dimasukkan ke dalam akaun Najib di antara 2 dan 23 Ogos 2013 berjumlah RM2,034,350,000.

"Berdasarkan penyata akaun ini (akaun 9694), disahkan bahawa dana hasil daripada aktiviti haram IMDB GIL diterima daripada peringkat Tanore dipindahkan (semula) kepada Tanore RM2,034,350,000.00," kata Wei Mun.

Siasatan seterusnya mendapati Najib memindahkan wang daripada akaun IMDB GIL peringkat Tanore daripada Akuan AmBank 9694 kepada akaun bank miliknya iaitu akaun AmBank dengan nombor akaun berakhir 1880.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung 18 Oktober ini.